

# Program Mentor Mentee STEM cangkil kemahiran abad ke-21

UB 5-6-2019 A6

Oleh YAP SIONG HAN

**KOTA KINABALU:** Seramai 100 murid prasekolah dari Sekolah Kebangsaan (SK) Rampayan, Manggatal di sini mengambil bahagian dalam program Mentor Mentee Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) antara Februari hingga April 2019 di bawah Penggerak STEM Kebangsaan.

Program ini dilaksanakan oleh pelajar Prasiswazah Program Pendidikan Awal Kanak-Kanak Semester 2 dan Semester 4, Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) di bawah penyelarasan dan seliaan sepenuhnya oleh Profesor Madya Dr Siew Nyet Moi @ Sopiah Abdullah.

Menurut Siew, aktiviti berkenaan adalah program separa 'service learning' di bawah Kursus Awal Sains dan Teknologi untuk Kanak-Kanak.

"Service learning adalah kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menggabungkan hasil pembelajaran kursus dengan khidmat komuniti yang melibatkan siswazah berinteraksi dengan komuniti prasekolah bagi menyampaikan pengetahuan dan kemahiran STEM yang mereka pelajari di bilik kuliah.

"Melalui service learning, para siswazah dapat membangunkan kemahiran abad ke-21 seperti kebolehan un-



## PARA mentee sedang melakukan aktiviti dalam program berkenaan

tuk bekerja dengan baik dengan komuniti prasekolah, kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, memimpin dan berkomunikasi dengan guru dan murid prasekolah," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Selasa.

Beliau berkata, program itu dilaksanakan oleh 53 pelajar prasiswazah yang dibahagikan mengikut kumpulan berlima dan bertindak sebagai mentor kepada mentee iaitu murid prasekolah berumur 4 hingga 6 tahun.

Katanya, mentee melaksanakan aktiviti STEM dalam kumpulan berlima dan tempoh selama dua jam diberikan

untuk menyelesaikan setiap aktiviti.

"Aktiviti yang dilaksanakan adalah ringkas dan mudah bagi memberikan peluang kepada mentee menggunakan kemahiran proses sains dalam menyelesaikan masalah secara kreatif dan kritis.

"Berdasarkan pemerhatian para mentor, mentee dapat berfikir secara kritis dan kreatif semasa menghasilkan prototaip.

"Contohnya, dalam aktiviti menghasilkan catapult, mentee dapat mengenal pasti kelemahan pada prototaipnya apabila melihat kelebihan ditonjolkan oleh prototaip

kumpulan lain semasa pengujian prototaip dilakukan," katanya.

Katanya, secara kesimpulan Program Mentor Mentee STEM mampu membangunkan kemahiran abad ke-21 dalam kalangan murid prasekolah iaitu pemikiran kritis, kreatif, kemahiran berkolaborasi, berkomunikasi dalam kumpulan dan nilai murni.

"Justeru, program ini akan dipergiatkan di prasekolah yang lain supaya lebih ramai murid prasekolah memperoleh manfaat dan meminati subjek dalam STEM," katanya.